# MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MENENGAH MALAYSIA
# CAWANGAN NEGERI SEMBILAN

## PROGRAM PENINGKATAN AKADEMIK TINGKATAN 5
## SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH NEGERI SEMBILAN 2015

## TASAWWUR ISLAM

## KERTAS 1 & KERTAS 2

## PERATURAN PEMARKAHAN

UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

AMARAN

Peraturan pemarkahan ini SULIT dan Hak Cipta MPSM Cawangan Negeri Sembilan. Kegunaannya khusus untuk pemeriksa yang berkenaan sahaja. Sebarang maklumat yang terkandung dalam peraturan pemarkahan ini tidak boleh dimaklumkan kepada sesiapa. Peraturan pemarkahan ini tidak boleh diterbitkan dalam apa-apa bentuk media.

# TASAWWUR ISLAM
# Kertas 1

## SKEMA JAWAPAN
## BAHAGIAN A

1. B
2. C
3. C
4. B
5. B
6. D
7. A
8. C
9. A
10. D
11. C
12. A
13. B
14. D
15. A
16. D
17. C
18. D
19. B
20. A

## BAHAGIAN B

21. AZALI
22. QAZAF
23. KHURAFAT
24. FARDHU AIN
25. PELABUR
26. KEBENCIAN
27. AKIDAH
28. IJTIHAD
29. FIKAH
30. QADHA
31. BARZAKH
32. HISAB
33. AR-RAHN
34. AL BAI' BITHAMAN AJIL
35. 'ALAMIYYAH
36. SYUMULIYYAH
37. √
38. X
39. √
40. X


5226/1 & 5226/2 © 2016 Hak Cipta MPSM Negeri Sembilan

# TASAWWUR ISLAM
## Kertas 2

<table>
<tr><th colspan="3">SOALAN</th><th>JAWAPAN</th><th>MARKAH</th></tr>
<tr><td>1</td><td>a</td><td>i</td><td>Maksud Rububiyyah<br>Keyakinan dalam hati secara mutlak bahawa Allah SWT yang mentadbirkan semua benda dan perkara di dunia ini dan tiada pentadbir yang lain melainkan Allah SWT yang Maha Esa dan Kuasa.</td><td>1 isi X 2 m<br>[2 markah]</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>ii</td><td>Dua konsep Rububiyyah<br>P1- Allah SWT Pencipta, Pemilik dan Pentadbir alam.<br>P2- Allah SWT berkuasa memberi sesuatu mengikut kehendak-Nya.<br>P3- Kekuasaan Allah meliputi langit dan bumi.</td><td>2 isi X 1 m<br>[2 markah]</td></tr>
<tr><td></td><td>b</td><td></td><td>Dua perbezaan di antara orang yang beragama dengan orang yang tidak beragama .<br>
<table>
<tr><th>Orang beragama</th><th>Orang tidak beragama</th></tr>
<tr><td>P1- Sentiasa reda dengan ketentuan Allah SWT.</td><td>Berasa keluh kesah, kecewa, putus asa dan akhirnya melakukan kemudaratan kepada diri.</td></tr>
<tr><td>P2- Melakukan sesuatu dengan ikhlas untuk memperoleh ganjaran daripada Allah.</td><td>Melakukan sesuatu untuk kepentingan diri dan mengharapkan pujian serta sanjungan daripada manusia.</td></tr>
<tr><td>P3- Bersyukur dengan nikmat yang dimiliki dengan cara memanfaatkannya ke jalan Allah SWT seperti berderma.</td><td>Ingkar dengan ketentuan Allah SWT. Segala nikmat yang dimiliki hanya untuk kepentingan diri sendiri dan ke arah maksiat.</td></tr>
<tr><td>P4- Memiliki jiwa yang mantap dan teguh di atas prinsip kebenaran.</td><td>Mudah terpengaruh dengan unsur-unsur yang merosakkan.</td></tr>
<tr><td>P5- Memiliki kesempurnaan akhlak, menghormati rakan, jiran dan tidak cinta akan dunia.</td><td>Berakhlak buruk, suka menimbulkan kekacauan dan bermatlamat kehidupan di dunia sahaja.</td></tr>
</table></td><td>2 isi X 2 m<br>[4 markah]</td></tr>
<tr><td></td><td>c</td><td></td><td>Dua peranan mukjizat.<br>P1- Menunjukkan kekuasaan Allah SWT yang Maha Agung.<br>P2- Mengukuhkan keyakinan orang ramai terhadap dakwah rasul.<br>P3- Membuktikan kebenaran rasul sebagai utusan Allah SWT.<br>P4- Menambah keyakinan rasul dalam menyampaikan dakwah.</td><td>2 isi X 2 m<br>[4 markah]</td></tr>
</table>


5226/1 & 5226/2 © 2016 Hak Cipta MPSM Negeri Sembilan

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | d | | **Dua** kepentingan hadis sebagai rujukan selepas al-Quran.<br><br>P1- Menguatkan hukum-hukum yang terdapat nasnya dalam al-Quran.<br>P2 - Membatasi hukum nas-nas yang mutlak.<br>P3 - Menghuraikan nas-nas al-Quran yang mujmal (ringkas).<br>P4 - Mentakhsiskan (menentukan) maksud nas yang umum. | 2 isi X 2 m<br>[4 markah] |
| | e | | Cara untuk mengekalkan budaya Islam dalam ledakan budaya moden. | [4 markah]<br><br>* KBAT |

| Deskriptor | Skor |
|---|---|
| Menjawab satu isi tanpa huraian / contoh.<br><br>Contoh:<br>Mengamalkan budaya Islam. | 1m |
| Menjawab satu isi serta huraian.<br><br>Contoh:<br>Mengamalkan budaya Islam dalam kehidupan seharian. | 2m |
| Menjawab satu isi, huraian serta contoh.<br><br>Contoh:<br>Mengamalkan budaya Islam dalam kehidupan seharian seperti yang terkandung dalam al-Quran dan hadis. | 3m |
| Menjawab satu isi, huraian, contoh serta rumusan<br><br>Contoh:<br>Mengamalkan budaya Islam dalam kehidupan seharian seperti yang terkandung dalam al-Quran dan hadis supaya selamat di dunia dan akhirat. | 4m |

*** Sekiranya pelajar menjawab 2 isi dan 2 huraian = 4 markah
( 2 isi + huraian X 2m )


5226/1 & 5226/2 © 2016 Hak Cipta MPSM Negeri Sembilan

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| 2 | a | i | **Dua** prinsip Rabbaniyyah.<br>P1- Islam ialah agama yang diwahyukan oleh Allah SWT dan bukan ciptaan manusia.<br>P2 - Islam ialah satu pegangan yang jitu dan bersih daripada kekurangan, kejahilan dan dorongan hawa nafsu.<br>P3 - Islam dan seluruh makhluk merupakan hak kepunyaan Allah SWT.<br>P4 - Allah SWT sebagai pemberi peraturan hidup. | 2 isi X 2 m<br>[4 markah] |
| | | ii | **Dua** cara untuk memperoleh sifat Rabbaniyyah dalam diri.<br>P1- Beriman dan yakin dengan segala rukun iman.<br>P2- Mengerjakan segala perintah Allah SWT dan meninggalkan segala larangan-Nya.<br>P3- Berjihad dengan nyawa, harta benda dan fikiran untuk meninggikan syariat Islam.<br>P4- Bekerja dan berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk mencari keredaan Allah SWT.<br>P5- Berakhlak dengan akhlak mulia dan terpuji. | 2 isi X 2 m<br>[4 markah] |
| | b | i | **Dua** bukti ajaran Islam bersifat 'Alamiyyah.<br><br>a) Perundangan<br>P1- Perundangan Islam dapat diterima dan diamalkan oleh seluruh manusia.<br>P2- Islam mementingkan kedamaian dan keadilan sejagat.<br>P3- Keadilan Islam adalah menyeluruh dan tidak terhad kepada umat Islam sahaja.<br>P4- Islam sentiasa membela keadilan dan menentang kemungkaran.<br>P5- Islam sentiasa membela hak perlindungan nyawa dan kehormatan semua manusia.<br><br>b) Sosial<br>P1 - Tiada paksaan dalam memeluk Islam.<br>P2 - Kebebasan mengamalkan agama dan budaya masing-masing.<br>P3 - Kebebasan bersuara dan mengeluarkan pendapat.<br>P4 - Kebebasan memiliki harta yang halal. | 2 isi X 2 m<br>[4 markah] |
| | | ii | **Empat** bentuk hak asasi manusia yang dijamin oleh Islam.<br>P1- Kebebasan beragama.<br>P2- Kebebasan bersuara.<br>P3- Kebebasan memiliki harta.<br>P4- Kebebasan melindungi nyawa.<br>P5- Kebebasan memelihara kehormatan.<br>P6- Memelihara harta benda.<br>P7- Islam sentiasa mengutamakan keamanan dan kedamaian serta mengekalkan kesejahteraan manusia. | 4 isi X 1 m<br>[4 markah] |


5226/1 & 5226/2 © 2016 Hak Cipta MPSM Negeri Sembilan

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | c | | Perkaitan antara thabat dengan murunah dari aspek berikut :<br>i- Aspek pakaian<br>Kewajipan menutup aurat adalah tetap (thabat) tetapi diberi kelonggaran (murunah) kepada manusia mengikut fesyen dan keselesaan mereka.<br><br>ii- Aspek ibadah<br>Solat fardu adalah wajib (thabat) tetapi diberi kelonggaran (murunah) melaksanakan solat secara jamak dan qasar sekiranya bermusafir. | 2isi X 2m<br>[4 markah] |
| 3 | a | (i) | **Empat** syarat menjadi khalifah.<br>P1- Seorang muslim yang mukmin.<br>P2- Berilmu dan memahami masalah negara.<br>P3- Adil dan saksama.<br>P4 - Kemampuan mental dan fizikal.<br>P5 - Lelaki.<br>P6- Berpengaruh dan baik keturunan.<br>P7- Berakhlak mulia dan berani. | 4 isi X 1 m<br>[4 markah] |
| | | (ii) | **Dua** implikasi jika pemimpin negara mengabaikan tanggungjawab terhadap negara.<br><br>P1 - Kezaliman bermaharajalela dalam pemerintahannya.<br>P2 - Berlakunya penindasan dan penyelewengan dengan berleluasa.<br>P3 - Wujudnya perasaan tidak puas hati dalam kalangan rakyat.<br>P4 - Politik negara tidak stabil yang boleh menggugat keamanan. | 2 isi X 2 m<br>[4 markah] |
| | b | (i) | **Dua** prinsip sistem kehakiman Islam.<br>P1- Bersifat Rabbani agar tidak terpesong dari syariat Islam.<br>P2- Menegakkan keadilan /menghapuskan kezaliman / penganiyaan bagi menjamin kesejahteraan / keharmonian hidup.<br>P3- Menyeru kebaikan / mencegah kemungkaran dengan pelaksanaan hukuman yang bersifat pencegahan / pengajaran.<br>P4- Mengamalkan akhlak mulia untuk kesejahteraan hidup. | 2 isi X 2 m<br>[4 markah] |
| | | (ii) | **Implikasi** sekiranya hakim tidak melaksanakan tanggungjawab dengan adil dan saksama. | [4 markah]<br><br>*KBAT |

| Deskriptor | Skor |
|---|---|
| Menjawab satu isi tanpa huraian / contoh.<br><br>Contoh:<br>Kehidupan masyarakat tidak aman. | 1m |

[Lihat halaman sebelah

| | |
|---|---|
| Menjawab satu isi serta huraian.<br><br>Contoh:<br>Kehidupan masyarakat tidak aman kerana berlakunya penganiyaan. | 2m |
| Menjawab satu isi, huraian serta contoh.<br><br>Contoh:<br>Kehidupan masyarakat tidak aman kerana berlakunya penganiyaan seperti orang yang bersalah akan terlepas daripada hukuman. | 3m |
| Menjawab satu isi, huraian, contoh serta rumusan.<br><br>Contoh:<br>Kehidupan masyarakat tidak aman kerana berlakunya penganiyaan seperti orang yang bersalah akan terlepas daripada hukuman sehingga keadilan tidak dapat ditegakkan. | 4m |

*** Sekiranya pelajar menjawab 2 isi dan 2 huraian = 4 markah
( 2 isi + huraian X 2m )

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | C | | **Dua** peranan individu terhadap keluarga bagi merealisasikan sistem sosial Islam.<br>P1- Memberikan kasih sayang / perhatian kepada setip ahli keluarga supaya ikatan kekeluargaan menjadi kukuh.<br>P2- Mengamalkan akhlak yang mulia agar menjadi ikutan ahli keluarga yang lain.<br>P3- Menjaga keselamatan ahli keluarga daripada unsur-unsur yang merosakkan agar dihormati oleh masyarakat.<br>P4- Memastikan setiap ahli keluarga mematuhi perintah Allah SWT seperti solat dan puasa.<br>P5- Menjaga nama baik keluarga dengan menjauhi perkara-perkara yang dilarang seperti zina. | 2 isi X 2 m<br>[4 markah] |

[Lihat halaman sebelah
 © 2016 Hak Cipta MPSM Negeri Sembilan 

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| 4 | a | i | Pengertian harta menurut Islam.<br>Harta merupakan anugerah Allah SWT kepada manusia melalui usaha dan ikhtiar mereka sendiri. | 1 isi X 2 m<br>[2 markah] |
| | | ii | **Dua** sebab harta merupakan amanah Allah kepada manusia.<br>P1- Supaya manusia menguruskan sumber harta dengan sebaik-baiknya, seperti yang telah ditetapkan oleh Allah SWT.<br>P2- Supaya manusia tidak terlalu sombong dengan harta yang dimilikinya.<br>P3- Supaya manusia tidak menggunakan harta yang di miliki secara membazir dan sia-sia.<br>P4- Supaya manusia berusaha bersungguh-sungguh untuk mencari harta bagi kesenangan hidup mereka di dunia dan akhirat. | 2 isi X 2 m<br>[4 markah] |
| | b. | | **Dua** langkah bagi membendung pencerobohan harta.<br>P1- Memberikan pendidikan agama yang secukupnya kepada masyarakat.<br>P2- Memberi kesedaran kepada masyarakat tentang keburukan pencerobohan harta.<br>P3- Menguatkuasakan undang-undang pencerobohan harta.<br>P4- Mengenakan hukuman yang berat ke atas kesalahan pencerobohan harta.<br>P5- Memberi penerangan yang berterusan akan keburukan pencerobohan harta kepada masyarakat. | 2 isi X 2 m<br>[4 markah] |
| | c. | | Kepentingan bekerja kepada pembangunan negara. (see descriptor table below) | [4 markah]<br><br>*KBAT |

| Deskriptor | Skor |
|---|---|
| Menjawab satu isi tanpa huraian / contoh.<br><br>Contoh:<br>Dapat memberi sumbangan kepada perkembangan ekonomi negara. | 1m |
| Menjawab satu isi serta huraian.<br><br>Contoh:<br>Dapat memberi sumbangan kepada perkembangan ekonomi negara melalui pekerjaan yang diceburi. | 2m |
| Menjawab satu isi, huraian serta contoh.<br><br>Contoh:<br>Dapat memberi sumbangan kepada perkembangan ekonomi negara melalui pekerjaan yang diceburi sama ada di sektor awam atau swasta. | 3m |


5226/1 & 5226/2 © 2016 Hak Cipta MPSM Negeri Sembilan

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | | Menjawab satu isi, huraian, contoh serta rumusan. (4m)<br><br>Contoh:<br>Dapat memberi sumbangan kepada perkembangan ekonomi negara melalui pekerjaan yang diceburi sama ada di sektor awam atau swasta. Oleh itu, umat Islam dituntut supaya bekerja agar dapat membantu meningkatkan ekonomi negara.<br><br>*** Sekiranya pelajar menjawab 2 isi dan 2 huraian = 4 markah<br>( 2 isi + huraian X 2m ) | |
| | d | | **Tiga** perbezaan antara muamalah Islam dengan muamalah konvensional. | 3 isi X 2 m<br>[6 markah] |

| Muamalah Islam | Muamalah Konvensional |
|---|---|
| P1- Bebas daripada riba dan penindasan. | Berasaskan kepada sistem riba. |
| P2- Melaksanakan syariah Islam dalam urusan perniagaan. | Hukum halal dan haram tidak diambil kira dalam urusan perniagaan. |
| P3- Menggalakkan manusia supaya melakukan kebajikan kepada masyarakat seperti bersedekah, menderma dan sebagainya. | Lebih mengutamakan keuntungan semata-mata. |
| P4- Cara mendapatkan harta melalui muamalah Islam mestilah dengan cara yang halal dan sah di sisi hukum syarak. | Usaha mendapatkan harta boleh dilakukan dengan apa cara sekali pun tanpa mengira halal dan haram. |
| P5- Menjadikan harta sebagai alat untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT. | Menjadikan harta sebagai matlamat hidup. |



5226/1 & 5226/2 © 2016 Hak Cipta MPSM Negeri Sembilan

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| 5 | a | | **Dua** cara untuk memelihara akal mengikut syariat Islam.<br>P1- menjauhi perbuatan yang boleh merosakkan akal seperti minum arak, mengambil dadah dan sebagainya,<br>P2- sentiasa berfikiran rasional dan melarang memikirkan perkara yang boleh merosakkan akal.<br>P3- sentiasa melakukan ibadat, membaca buku-buku, melakukan riadah dan sebagainya.<br>P4- mendampingi ulama dan para cendekiawan. | 2 isi X 2 m<br>[4 markah] |
| | b | i | Pengertian fikah.<br>Kefahaman tentang hukum amali yang diijtihadkan oleh para mujtahid, yang diambil daripada dalil-dalil syarak.<br><br>Contoh:<br>Bersentuhan kulit antara lelaki dengan perempuan ajnabi membatalkan wuduk menurut mazhab Syafi'i. | 2 isi X 2 m<br>[4 markah] |
| | | ii | **Dua** keperluan fikah kepada kehidupan muslim.<br>P1- Membolehkan umat Islam melaksanakan ibadat tanpa keraguan.<br>P2- Menjadikan hukum Islam berkembang serta bersesuaian dengan masa, tempat dan keadaan.<br>P3-Menentukan hukum Islam sesuai diamalkan dalam kehidupan manusia. | 2 isi X 2 m<br>[4 markah] |
| | c | | Sebab Islam melarang umatnya melakukan perbuatan haram. | 4 markah<br><br>* KBAT |

| Deskriptor | Skor |
|---|---|
| Menjawab satu isi tanpa huraian / contoh.<br><br>Contoh:<br>Untuk memastikan manusia sentiasa menjauhi perkara-perkara yang merosakkan. | 1m |
| Menjawab satu isi serta huraian.<br><br>Contoh:<br>Untuk memastikan manusia sentiasa menjauhi perkara-perkara yang merosakkan seperti pengharaman arak dan judi. | 2m |
| Menjawab satu isi, huraian serta contoh.<br><br>Contoh:<br>Untuk memastikan manusia sentiasa menjauhi perkara-perkara yang merosakkan seperti pengharaman arak dan judi kerana perbuatan tersebut boleh membinasakan diri sendiri. | 3m |


5226/1 & 5226/2 © 2016 Hak Cipta MPSM Negeri Sembilan

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | | Menjawab satu isi, huraian, contoh serta rumusan — 4m<br><br>Contoh:<br>Untuk memastikan manusia sentiasa menjauhi perkara-perkara yang merosakkan seperti pengharaman arak dan judi kerana perbuatan tersebut boleh membinasakan diri sendiri.<br>Oleh itu, kita hendaklah menjauhi perbuatan haram agar kehidupan lebih aman dan sejahtera.<br><br>*** Sekiranya pelajar menjawab 2 isi dan 2 huraian = 4 markah<br>( 2 isi + huraian X 2m ) | |
| | d | | **Dua** tujuan perkahwinan dalam Islam.<br>P1- Dapat memupuk sikap bertanggungjawab dalam keluarga.<br>P2- Dapat mengatur kehidupan yang lebih baik.<br>P3- Dapat menjalinkan silaturahim antara dua keluarga.<br>P3- Dapat mengatasi masalah sosial dalam masyarakat seperti zina.<br>P4- Dapat memelihara kesucian zuriat melalui perkahwinan yang sah. | 2 isi X 2 m<br>[4 markah] |
| 6 | a | i | **Dua** sebab perlunya penyelesaian masalah dilakukan berasaskan Islam.<br>P1- Kerana menurut Islam sesuatu masalah itu diselesaikan daripada akar umbinya / secara menyeluruh.<br>P2- Kerana penyelesaian masalah secara Islam adalah berpandukan wahyu yang pasti benar.<br>P3- Kerana Islam memberi keadilan kepada semua pihak.<br>P4- Kerana penyelesaian masalah secara Islam lebih berbentuk mendidik dan membina keperibadian yang mulia. | 2 isi X 2 m<br>[4 markah] |
| | | ii | **Empat** langkah penyelesaian masalah menurut Islam.<br>P1- Mengenal pasti masalah yang berlaku.<br>P2- Mengenal pasti punca masalah secara terperinci dan menyeluruh.<br>P3- Membuat strategi dan kaedah untuk menyelesaikan masalah.<br>P4- Menguji kaedah dan strategi untuk menyelesaikan masalah.<br>P5- Melakukan penilaian semula terhadap strategi yang telah dilakukan. | 4 isi X 1 m<br>[4 markah] |
| | b | | **Dua** cara mewujudkan jaminan keselamatan.<br>P1- Melaksanakan perundangan Islam.<br>P2- Mengamalkan sikap toleransi / kerjasama.<br>P3- Menanamkan semangat cintakan negara.<br>P4- Menjaga keselamatan dari aspek fizikal seperti melakukan rondaan.<br>P4- Menjaga keselamatan dari aspek spiritual seperti doa, solat hajat dan lain-lain. | 2 isi X 1m<br>[2 markah] |

[Lihat halaman sebelah

 © 2016 Hak Cipta MPSM Negeri Sembilan 

<table>
<tr><td></td><td>c</td><td>i</td><td>Dua cara Islam menyelesaikan masalah kemiskinan dalam masyarakat.<br>P1- Memberi dorongan dan motivasi kepada individu dan masyarakat untuk mengubah nasib.<br>P2- Memberi bantuan kepada mereka yang memerlukan melalui sedekah dan derma.<br>P3- Melaksanakan sistem muamalah Islam seperti al-Ijarah dan al-Rahn.</td><td>2 isi X 2 m<br>[4 markah]</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>ii</td><td>Sumbangan yang boleh saya lakukan untuk mengukuhkan ekonomi negara.
<table>
<tr><th>Deskriptor</th><th>Skor</th></tr>
<tr><td>Menjawab dua isi tanpa huraian / contoh.<br><br>Contoh:<br>i- belajar bersungguh-sungguh.<br><br>ii- mengeluarkan zakat, bersedekah atau derma.</td><td>1- 2 markah</td></tr>
<tr><td>Menjawab dua isi serta huraian.<br><br>Contoh:<br>i- belajar bersungguh-sungguh untuk meningkatkan ekonomi negara.<br><br>ii- mengeluarkan zakat, bersedekah atau derma kepada mereka yang memerlukan.</td><td>3 - 4 markah</td></tr>
<tr><td>Menjawab dua isi, huraian serta contoh.<br><br>Contoh:<br>i- belajar bersungguh-sungguh untuk meningkatkan ekonomi negara bagi menjamin kesejahteraan hidup.<br><br>ii- mengeluarkan zakat, bersedekah atau derma kepada mereka yang memerlukan bagi mengurangkan bebanan hidup mereka.</td><td>5 - 6 markah</td></tr>
</table>
*** Sekiranya pelajar menjawab 3 isi dan 3 huraian = 6 markah<br>( 3 isi + 3 huraian X 2m )</td><td>6 markah<br><br>* KBAT</td></tr>
</table>

[Lihat halaman sebelah



5226/1 & 5226/2 © 2016 Hak Cipta MPSM Negeri Sembilan

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| 7 | a | i | **Dua** kesan melakukan ibadat tanpa berpandukan syariat.<br>P1- Merosakkan ibadat kerana tidak mengikut peraturan yang ditetapkan.<br>P2- Merosakkan iman kerana mempermainkan ibadat yang telah Ditetapkan oleh Allah SWT.<br>P3- Tidak mendapat keredaan Allah kerana ibadah yang dilakukan tidak menepati syariat-Nya. | 2 isi X 2 m<br>[4 markah] |
| | | ii | **Empat** perkara yang merosakkan ibadat.<br>P1- Murtad, Syirik, Munafik<br>P2- Takbur<br>P3- Riak<br>P4- Ujub<br>P5- Sum'ah<br>P6- Mengungkit-ungkit<br>P7- Aza<br>P8- Hasad dengki | 4 isi X 1 m<br>[4 markah] |
| | b | | **Dua** kepentingan hukum Qisas.<br>P1- Melindungi jiwa yang tidak berdosa daripada dizalimi.<br>P2- Pembalasan setimpal dengan kesalahan yang dilakukan bertujuan menegakkan keadilan.<br>P3- Menjamin keamanan dan ketenteraman hidup manusia supaya mencapai kebahagiaan hidup. | 2 isi X 2 m<br>[4 markah] |
| | c. | | **Dua** ciri muamalah Islam.<br>P1- Adil kepada semua pihak.<br>P2- Mendatangkan manfaat kepada kedua-dua belah pihak.<br>P3- Tidak membebankan mana-mana golongan.<br>P4- Reda antara kedua-dua pihak.<br>P5- Tidak berlaku penipuan seperti mengurangkan timbangan atau menipu dalam kontrak. | 2 isi X 2 m<br>[4 markah] |
| | d. | | Usaha yang boleh anda lakukan bagi mendorong masyarakat bermuamalah secara Islam. | 4 markah<br><br>* KBAT |

| Deskriptor | Skor |
|---|---|
| Menjawab satu isi tanpa huraian / contoh.<br><br>Contoh:<br>Menyediakan kemudahan sistem muamalah Islam. | 1m |



5226/1 & 5226/2 © 2016 Hak Cipta MPSM Negeri Sembilan

| | |
|---|---|
| Menjawab satu isi serta huraian.<br><br>Contoh:<br>Menyediakan kemudahan sistem muamalah Islam yang mencukupi kepada masyarakat. | 2m |
| Menjawab satu isi, huraian serta contoh.<br><br>Contoh:<br>Menyediakan kemudahan sistem muamalah Islam yang mencukupi kepada masyarakat Seperti kaunter perbankan Islam. | 3m |
| Menjawab satu isi, huraian, contoh serta rumusan.<br><br>Contoh:<br>Menyediakan kemudahan sistem muamalah Islam yang mencukupi kepada masyarakat Seperti kaunter perbankan Islam di semua bank di Malaysia. | 4m |

*** Sekiranya pelajar menjawab 2 isi dan 2 huraian = 4 markah
( 2 isi + 2 huraian X 2m )

**PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT**